

**Pilihan Raya Semakin Hampir - Tajuk Utama Akhbar-akhbar Berbahasa Cina Bernama
02 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Akhbar-akhbar harian utama berbahasa Cina pada Jumaat memaparkan pada muka depan kenyataan Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak pada perasmian Perhimpunan Agung Umno 2011 semalam bahawa Umno bukan parti rasis sebaliknya berjuang untuk semua kaum.

Ucapan Perdana Menteri itu menjadi tajuk utama akhbar Sin Chew Daily, Nanyang Siang Pau, China Press dan Oriental Daily, khususnya jaminan Najib bahawa Umno bukan sahaja memperjuangkan kepentingan orang Melayu tetapi semua rakyat Malaysia.

Dengan memaparkan gambar Najib berbaju Melayu berwarna biru sambil mengangkat tangan kanan dengan jarinya digenggam kemas semasa menyampaikan ucapan dasar, akhbar-akhbar tersebut juga menyebut bahawa pilihan raya umum semakin hampir.

Ucapan Najib disifatkan sebagai membakar semangat juang jentera Umno untuk bekerja kuat menghadapi pilihan raya umum.

Selain itu, rata-rata kolumnis akhbar-akhbar Cina menyifatkan ucapan Najib kali ini sebagai "lembut" dan tidak menyinggung perasaan kaum lain terutama apabila Najib sekadar menamakan parti-parti lawan sebagai "parti A, B, dan C".

Mereka juga menyifatkan perhimpunan semalam lebih "mesra" kerana tiada pembentang dan pembahas yang membawa isu-isu sensitif sebaliknya tumpuan perbincangan perwakilan kali ini lebih kepada mengkritik pembangkang.

Ia juga menyebut kekuatan dalaman Umno penting untuk memastikan parti itu dan Barisan Nasional (BN) mencatat kemenangan dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.

Selain itu, tindakan menjadikan DAP sebagai "sasaran" dilihat sebagai "strategi" untuk meraih sokongan penuh pengundi Melayu.

Seorang daripada kolumnis pula mencadangkan Umno supaya memikirkan cara yang lebih bernas untuk membawa orang Melayu maju ke hadapan dalam usahanya mendapatkan sokongan Melayu, dan bukan sekadar menjadikan pembangkang sebagai "musuh bayangan".

Seorang lagi kolumnis pula menyatakan pentingnya Umno tidak ketandusan idea dan terus membawa Malaysia mencatat kecemerlangan di persada dunia.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631484>